SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official



# Vaksin Covid-19 pertama untuk Malaysia tiba pagi ini

| | 21 Februari 2021




Persiapan penerimaan Vaksin Pfizer-BioNTech di Zon Bebas Komersil (FKZ) MasKargo, KLIA 17 Februari lalu. -Foto Bernama

A- A+

KUALA LUMPUR - Setelah lebih setahun negara 'berperang' dengan pandemik Covid-19 yang telah meragut lebih 1,000 nyawa setakat ini, akhirnya pada pagi ini, vaksin yang menjadi harapan dalam menangani wabak tersebut bakal 'mendarat' di bumi Malaysia.

Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!
Nestle Maggi | Sponsored

Baca cerita seterusnya >

Detik bersejarah ini dijangka berlaku kira-kira 10 pagi apabila kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui penerbangan Malaysia Airlines MH604 dengan menggunakan pesawat Airbus 330-300 yang dikendalikan oleh MABkargo Sdn. Bhd (MASKargo).

Perjalanan vaksin ini adalah dari kilang Pfizer di Belgium dengan penerbangan membawa vaksin itu akan berlepas dari Puurs dan transit di Lapangan Terbang Leipzig Halle sebelum meneruskan perjalanan ke Singapura untuk pengedaran ke negara-negara Asia Pasifik lain termasuk Malaysia.

Ketibaan pesawat yang membawa 312,390 dos vaksin dengan penerbangan Passenger-to-Cargo (P2C) itu akan disambut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.




Laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), turut meramalkan cuaca pagi dan petang ini di daerah Sepang dan Putrajaya baik iaitu minimum 23 darjah Celcius hingga 33 darjah Celcius.

Dengan ketibaan vaksin tersebut, Malaysia akan dapat memulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, iaitu program vaksinasi terbesar yang pernah dilakukan di negara ini dan ia akan dilancarkan dalam tempoh lima hari lagi (26 Februari).

Selaku antara negara terawal di Asia Tenggara selepas Singapura yang akan menggunakan vaksin berkenaan bagi membentuk imuniti terhadap jangkitan virus Covid-19, harapan yang lebih besar bagi 32 juta rakyat Malaysia ialah dapat 'membebaskan' negara daripada belengu penyakit itu, supaya situasi kembali seperti sediakala.

Pastinya vaksin yang telah diakui keberkesanannya dan mendapat kelulusan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan (KKM) itu diharap berjaya 'menampan' rakyat daripada menjadi mangsa virus berbahaya itu.

Mengikut perancangan, fasa pertama pada 26 Februari ini, penerimanya merupakan petugas barisan hadapan iaitu anggota KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan lain- lain yang ditetapkan kerajaan.

Hand Sanitizer Jenama Sendiri

Murah, Diiktiraf Kkm

Kilang Oem Bukit Minyak Penang, Sesuai Utk Order Besar dengan Surat
mutiarajinggamarketingsdnbhd.com

BUKA

Sebanyak 600 lokasi vaksinasi seluruh negara telah ditetapkan dengan tujuh vaksinator (petugas menyuntik vaksin) akan disediakan di setiap lokaliti atau kawasan.

Fasa pertama program imunisasi yang bermula Februari hingga April itu akan diikuti fasa kedua bermula April hingga Ogos bagi kumpulan berisiko tinggi, iaitu warga emas berusia 60 tahun ke atas dan kumpulan rentan dengan masalah morbiditi serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Fasa ketiga pula melibatkan golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas, bermula dari Mei hingga Februari tahun depan.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka menerima suntikan vaksin itu pada hari pertama pelaksanaan program berkenaan, bersama-sama petugas barisan hadapan.

Pada 11 Januari lepas, perjanjian untuk penghantaran fasa pertama vaksin Pfizer-BioNTech BNT162b2 ke seluruh negara dimeterai antara |

Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!
Nestle Maggi | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

Perjanjian dengan Pfizer (Malaysia) membabitkan perolehan vaksin sebanyak 12,799,800 dos yang akan dibekalkan mulai penghujung Februari, meliputi 20 peratus populasi Malaysia dengan dua dos seorang. - Bernama

Isu murtad: Yadim sedia kerjasama dengan NGO beri penjelasan ×

vaksin Covid-19 vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech

**TERKINI** | POPULAR

1 Isu murtad: Yadim sedia kerjasama dengan NGO beri penjelasan

2 UMNO nafi laporan MKT tolak kerjasama Bersatu, PN

3 Kelantan benar buka kedai makan sehingga 12 malam

4 Calon SPM positif Covid-19 di Kelantan tidak duduki...

5 Isu dua geng, bila masa wujud dalam Pas?

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

**Apakah reaksi anda?** 30 votes Powered by Vuukle

93% Gembira
7% Biasa Jer
0% Terhibur
0% Teruja
0% Marah
0% Sedih

93%

**Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!**
**Nestle Maggi** | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

## Artikel Berkaitan




### Kanada lulus vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech

OTTAWA - Kanada meluluskan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech sehari selepas Britain menjadi negara pertama yang memberi lampu hijau dan melancarkannya.




### UK mula guna vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech minggu depan

LONDON - United Kingdom (UK) menjadi negara pertama membenarkan penggunaan vaksin Covid-19 Pfizer/BioNTech kepada orang ramai setelah pemerintah...



### Panel penasihat FDA beri lampu hijau

WASHINGTON - Sebuah panel penasihat luar kepada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat (AS) semalam meluluskan vaksin Covid-19...



### Latihan penghantaran vaksin Covid-19 ke pedalaman berjaya

BINTULU - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjaya melaksanakan latihan penghantaran vaksin Pfizer-BioNTech Covid-19 ke Klinik Kesihatan Belaga,...




### Petugas kesihatan alami alergi serius selepas divaksin

WASHINGTON - Seorang petugas kesihatan di Alaska, Amerika Syarikat (AS) mengalami alergi yang serius selepas menerima vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech.



### KKM sedia laksana program imunisasi Covid-19 sejurus bekalan tiba

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) sudah bersedia untuk melaksanakan Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan fasa pertama, sebaik bekalan vaksin...

**Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!**
**Nestle Maggi** | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

## Doktor positif Covid-19 kongsi pengalaman hampir mengalah

SHAH ALAM - Seorang doktor yang juga bekas pesakit Covid-19 berkongsi pengalaman beliau yang hampir mengalah ketika bertarung dengan virus Covid-19.

**Sinarharian**

**Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!**

**Nestle Maggi** | Sponsored

**Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!**

**Nestle Maggi**

**Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!**

**Nestle Maggi** | Sponsored

Baca cerita seterusnya

**Nikmati hingga 4X Mata**

hell Malaysia

zezah Drop Shoulder Blouse - Brown Paisley

M79

oplook

Shop Now

ara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!

etoslim

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

ltra Fast Keto Boost

entikan kesakitan di seluruh badan!

ERITA & SAINS MALAYSIA

esakitan pada sendi anda akan hilang selamanya

ERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT

apat Ekstra mata ganjaran dengan BonusLink

hell Malaysia

Sponsored Links by Taboo

Masak dan menang! Wang tunai berjumlah RM350,000 menanti anda!

**Nestle Maggi** | Sponsored

Baca cerita seterusnya